

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan

Sidang Akademik 1992/93

Jun 1993

FKF 332 Farmakokimia Hormonal

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM (6) soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia

...2/-

1. (A) (i) Berikan pengelasan hormon-hormon kortikosteroid mengikut kesan retensi garamnya beserta contoh-contoh.

(5 markah)

- (ii) Terangkan hubungan struktur aktiviti agen-agen yang bersifat estrogenik.

(5 markah)

- (B) Senaraikan kesan sampingan penggunaan

- (i) pil kontraseptif oral
(ii) propiltiourasil

(10 markah)

2. (A) (i) Kelaskan drug-drug analgesik bukan narkotik mengikut sifat-sifat kimianya.

(5 markah)

- (ii) Hubungkan struktur morfina dengan struktur drug-drug analgesik narkotik.

(5 markah)

...3/-

(B) Bincangkan kegunaan klinikal drug-drug berikut:

- (i) mifepreston
- (ii) morfin

(10 markah)

3. (A) Berikan struktur umum prostaglandin-prostaglandin. Terangkan stereokimia sebatian-sebatian tersebut yang terdapat secara semulajadi.

(10 markah)

(B) Bincangkan lima (5) kesan utama tindakan leukotrien dan terangkan dua gejala klinikal hasil dari kesan-kesan tersebut.

(10 markah)

4. (A) Terangkan hubungan struktur-aktiviti hormon tiroid.

(10 markah)

...4/-

- (B) Bincangkan dengan ringkas lima (5) kesan tindakan histamin serta terangkan mekanisme tindakan tiap-tiap satu contoh yang anda beri.

(10 markah)

5. (A) Jelaskan mengapa penghentian terapi hormon steroid perlu dibuat dengan perlahan-lahan?

(10 markah)

- (B) Jelaskan dalam keadaan mana terapi hormon steroid perlu dikontraindikasikan?

(10 markah)

6. (A) Bincangkan

- (a) penggunaan terapeutik purgatif
(b) masa pemberian purgatif

(10 markah)

...5/-

(B) Bincangkan sebab/sebab-sebab penggunaan

- (a) petidin sewaktu kelahiran sebagai agen analgesik
- (b) adrenalin bersama agen-agen anestetik setempat
- (c) N-asetil sisteina di dalam ketoksikan parasetamol
- (d) kolcisin di dalam gout akut

(10 markah)

-ooOoo-